AUTHOR: Ain Safre Bidin SECTION: DLM NEGERI PAGE: 34 PRINTED SIZE: 315.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 12,881.00 ITEM ID: MY0055516668

09 SEP, 2023

Lambakan kelapa: Fama wajar bantu

Utusan Malaysia, Malaysia

Lambakan kelapa: Fama wajar bantu

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamulia.com.my

BAGAN DATUK: Pembekal kelapa di sini yang mengalami isu pemasaran akibat saingan kelapa dari Indonesia yang lebih murah berharap Fama membantu mereka mengatasi masalah tersebut.

Seorang pekebun kelapa di sini, Ahmad Azam Zakaria berkata, masalah yang mereka hadapi itu mungkin tidak seteruk sekarang jika Fama memikirkan kaedah jualan atau pemasaran untuk kelapa tempatan.

Ahmad Azam mendakwa, Fama tidak memainkan peranan yang secukupnya dalam membantu pekebun dan pemborong dalam isu lambakan kelapa yang tidak terjual di daerah ini.

"Fama perlu melihat masalah ini dengan serius. Apa yang kami alami ialah Fama hanya membeli sebahagian kelapa yang elok sahaja.

"Kelapa yang sudah cambah dan kecil terpaksa dibuang begitu sahaja kerana tidak boleh dijual.

"Sebagai agensi pemasaran pertanian, Fama sepatutnya memikirkan kaedah lain agar kelapa dapat terus dipasarkan supaya tidak berlaku lambakan kelapa seperti yang berlaku di sini ketika ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan mengenai pembekal kelapa di sini mengalami kerugian apabila kelapa yang mereka beli dari pekebun tempatan tidak dapat dijual disebabkan harganya yang rendah akibat saingan kelapa dari Indonesia yang lebih murah.

Pemborong di Kampung Sungai Batang mendakwa, di kawasannya sahaja dianggarkan lambakan kelapa sehingga 30,000 biji.

Biasanya kelapa dari daerah ini dijual di pasar sekitar Kuala Lumpur, namun, permintaan berkurangan disebabkan kemasukan kelapa Indonesia yang lebih murah.

Difahamkan, kelapa import dari Indonesia 90 sen sebiji sedangkan kelapa dari Bagan Datuk RM1.50 hingga RM1.60 sebiji menyebabkan permintaan kelapa dari daerah ini terjejas.

Kilang santan di Bagan Datuk juga didakwa tidak lagi membeli kelapa tempatan.



PEKEBUN menunjukkan lambakan kelapa yang tidak terjual berikutan harga rendah kerana saingan kelapa Indonesia di Bagan Datuk, Perak, semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

09 SEP, 2023

Lambakan kelapa: Fama wajar bantu

Utusan Malaysia, Malaysia

SUMMARIES

BAGAN DATUK: Pembekal kelapa di sini yang mengalami isu pemasaran akibat saingan kelapa dari Indonesia yang lebih murah berharap Fama membantu mereka mengatasi masalah tersebut. Seorang pekebun kelapa di sini, Ahmad Azam Zakaria berkata, masalah yang mereka hadapi itu mungkin tidak seteruk sekarang jika Fama memikirkan kaedah jualan atau pemasaran untuk kelapa tempatan.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.